

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bilakah pengeluaran lesen Nelayan Pantai (Zon A) yang dibekukan selama ini akan dibuka semula. Pembekuan lesen ini telah menjejaskan peluang nelayan-nelayan di Parlimen Tanjong Manis untuk mendapatkan bantuan-bantuan dari Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membekukan semua pengeluaran lesen/permit vesel menangkap ikan bagi Zon A, B dan C sejak tahun 1982 kecuali vesel menangkap ikan yang beroperasi di laut dalam iaitu Zon C2 di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Zon C3.

Pembekuan ini dibuat dengan mengambil kira status sumber perikanan yang terdapat di perairan negara dan tahap tampungan bilangan vesel penangkapan ikan sedia ada yang beroperasi di dalam perairan Malaysia telah mencapai tahap yang optimum. Selain status sumber, kawalan ini adalah berdasarkan komitmen negara terhadap peraturan antarabangsa di bawah *Food and Agriculture Organization* (FAO) bagi menjamin sumber perikanan agar dapat diteroka dengan mapan. MAFI turut menggalakkan penyertaan di dalam sektor bukan perikanan tangkapan seperti akuakultur sebagai salah satu medium dalam meningkatkan pendapatan dan tidak bergantung pada perikanan tangkapan semata - mata.

Penemuan Survei Pentaksiran Sumber yang dijalankan pada tahun 2013 hingga 2016 dan kajian-kajian lain yang berkaitan menunjukkan bahawa nilai biomass bagi stok sumber perikanan di Malaysia telah mencapai tahap yang kritikal. Paras biomass yang sangat rendah iaitu hanya berbaki 3% di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan 4% di Pantai Barat Semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa sumber perikanan demersal telah dieksploitasi secara berlebihan. Beberapa langkah segera wajar diambil sebelum paras biomass ini menurun kepada tahap yang tidak boleh dipulihkan lagi.

Bagi pembukaan semula lesen nelayan di zon-zon yang berkaitan, MAFI melalui DOF akan mempertimbangkan kelulusan lesen sampan khas tertakluk kepada proses pemutihan yang dijalankan dari semasa ke semasa dan ianya tertakluk juga kepada keupayaan daya

## SOALAN NO : 21

tampungannya (*carrying capacity*) sesebuah kawasan berbanding dengan sumber perikanan sedia ada. Ini adalah untuk memastikan sumber perikanan dapat diuruskan secara mampan, mengurangkan kesesakan di zon tangkapan serta konflik dalam kalangan nelayan.

Bagi memastikan pendapatan nelayan di Zon A tidak terjejas, antara lain, MAFI juga telah berusaha menubuhkan sebanyak 13 myKomuniti Perikanan (myKP) untuk nelayan pantai yang mewakili 13 negeri (tidak termasuk Negeri Sabah). Penubuhan myKP adalah bertujuan untuk melahirkan komuniti perikanan yang mampu bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti harian meliputi aktiviti penangkapan ikan, ternakan akuakultur dan peluang ekonomi perikanan dengan memberikan penekanan terhadap pengurusan sumber perikanan setempat sebagai teras ekonomi komuniti perikanan.

Sekian, terima kasih.